

24 FEB, 2025

## Harga tembikai dijangka meningkat

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

# Harga tembikai dijangka meningkat

- Kenaikan sehingga RM2 sempena Ramadan
- Harga masih berpatutan, tidak membebankan

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

**PASIR PUTEH** — Harga jualan buah tembikai dijangka meningkat sehingga RM2 sekilogram pada bulan Ramadan ekoran permintaan tinggi.

Ketua Pengarah Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri berkata, harga jualan tembikai ketika ini dianggarkan RM1.70 sekilogram.

Katanya, walaupun berlaku sedikit peningkatan harga, pengguna masih boleh membeli buah tersebut kerana harganya masih berpatutan.

"Peningkatan harga tembikai pada bulan Ramadan dijangka



ABDUL RASHID (tengah) menuai tembikai di Kampung Haji Wan Omar, Tok Bali dekat Pasir Puteh semalam.

tidak membebankan pengguna, lebih-lebih lagi yang mahu menjadikan buah itu sebagai hidangan berbuka puasa," katanya pada sidang akhbar pada Program Menandatangani Perjanjian Jual Beli Forward Agreement (FA) Peserta Tanaman Tembikai di Kampung Haji Wan Omar, Tok Bali, di sini semalam.

Selain itu, menurutnya, FAMA mengimport 30 peratus kelapa bermula bulan lalu bagi menampung bekalan di seluruh negara.

Menurutnya, sebanyak 640,000 biji kelapa dibawa masuk dari Indonesia, Sabah dan Sarawak sejak bulan lalu.

"Kekurangan bekalan kelapa bukan sahaja di sini, malah negara lain turut mengalaminya kerana musim melawas iaitu pokok kurang menghasilkan buah atau tandan dan bunga."

"Negara sebelum ini menerima bekalan dari Riau dan Palembang, Indonesia selepas mengalami masalah bekalan buah tersebut," katanya.



24 FEB, 2025

## Harga tembakai dijangka meningkat

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

- Kenaikan sehingga RM2 sempena Ramadan • Harga masih berpatutan, tidak membebankan

PASIR PUTEH - Harga jualan buah tembakai dijangka meningkat sehingga RM2 sekilogram pada bulan Ramadan ekoran permintaan tinggi. Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri berkata, harga jualan tembakai ketika ini dianggarkan RM1.70 sekilogram. Katanya, walaupun berlaku sedikit peningkatan harga, pengguna masih boleh membeli buah tersebut kerana harganya masih berpatutan.